

# MPR medan lonjak bakat

Oleh Latifah Arifin  
latifah@mediaprima.com.my

Bengkel Minggu Penulis Remaja (MPR) dengan slogan ‘Penjana Kreativiti Remaja’ ternyata masih berhasil sebagai medan melahirkan penulis muda bermutu dan sentiasa menonjol dalam arena penulisan kreatif negara ini, meskipun sudah memasuki usia 28 tahun.

MPR 2013 yang berkampung selama enam hari di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat, bermula 23 hingga 28 Mac lalu, membantu 24 peserta berusia 16 hingga 21 tahun, merealisasikan impian mereka untuk bergelar penulis.

## Buka ruang berkarya

Bengkel anjuran Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), membuka ruang kepada peserta berpotensi dalam bidang bidang kepenggarangan, tampil sebagai penulis dengan imej dinamik, agresif, kritis



Azman Ahmad

dan kreatif.

Ahli Jawatankuasa Pelaksana MPR 2013, Azman Ahmad, berkata tahun ini pengatur sengaja memilih kawasan air terjun sebagai lokasi bagi membantu peserta menumpahkan suasana alam sekitar ke dalam puisi dan cerpen mereka.

“Peserta MPR 2013 diberi peluang berkarya di puncak air terjun, menjelajah hutan dan melakukan kerja amal dengan membersihkan kawasan air terjun di Lembah Pangsun,” katanya ketika ditemui Sastera BH pada acara penutup MPR 2013, baru-baru ini.

Mengenai dakwaan MPR menampilkan pembimbing yang sama setiap tahun sejak mutakhir ini, Azman menepisnya dengan hujah tugas membimbing penulis muda berat kerana mereka perlu memantau perkembangan setiap peserta sejak bengkel hingga karya diterbitkan dalam bentuk antologi.

“Kami masih mengekalkan tiga penulis prolifik yang juga peserta MPR, iaitu Dr Shamsudin Othman (MPR 1986), Salina Ibrahim (MPR 1991) dan Muhammad Lutfi Ishak (MPR 2000), sebagai pembimbing kerana kepakaran kreatif mereka dan keupayaan memberi motivasi kepada bakat muda.

“Kami mengagumi iltizam mereka dalam menjayakan MPR dan bersedia menjadi pembimbing secara sukarela kepada bekas peserta MPR terdahulu, di samping terbabit sebagai penyelenggara bagi antologi yang akan diterbitkan tanpa sebarang bayaran,” jelasnya.

Antologi cerpen dan puisi alumni MPR 2010 dan 2012 kini dalam proses penerbitan, antologi puisi dan cerpen alumni MPR 2011, *Kalam Pertama*, diterbitkan pada tahun lalu

» 24 peserta berkampung di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat

**Cabarannya sebenar adalah selepas melangkah ke dunia sebenar arena penulisan. Harapan saya agar semangat mereka berterusan dan antara petua boleh diamalkan ialah menulis sekurang-kurangnya sejam sehari”**

**Salina Ibrahim,**  
Novelis popular

dan antologi MPR 2010 tertangguh penerbitannya akibat kesilapan teknikal.

## Kritikan sastera

Dr Shamsudin yang juga Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), bertanggungjawab membimbing penulisan puisi dan ilmiah yakni bahawa MPR 2013 lebih menarik berbanding sebelum ini.

“Pada sesi MPR sebelum ini, peserta diwajibkan membentangkan karya masing-masing, tetapi kali ini ia diubah kepada bentuk yang lebih menarik, iaitu kritikan kerana pendekatan ini dapat membantu mereka belajar penulisan kritikan.

“Ia juga bermanfaat kerana kita dapat mengenal pasti sejauh mana keupayaan mereka mengkritik, sekali gus mendidik mereka tidak melakukan kesalahan seperti rakan lain dalam karya mereka, selain bersedia untuk menerima pandangan



Peserta MPR 2013 berpeluang menjelajah hutan di Lembah Pangsun.



Peserta MPR 2013 menterjemah alam sekitar dalam karya.

orang lain sama ada positif atau negatif," katanya.

#### Iltizam perlu

Novelis popular, Salina Ibrahim, pada sesi soal jawab dengan peserta sempat menasihatkap mereka supaya berterusan dalam bidang berkarya dan bukannya bersifat hangat-hangat tahi ayam kerana liku untuk berjaya sebagai penulis memerlukan kesungguhan.

"Cabaran sebenar yang akan dilalui peserta MPR adalah selepas mereka melangkah ke dunia sebenar arena penulisan. Harapan saya agar semangat mereka berterusan dan antara petua yang boleh diamalkan ialah menulis sekurang-kurangnya sejam sehari pada waktu paling disenangi.

"Sebagai pemudah cara, kami masih mengambil tahu perkembangan semasa alumni MPR menerusi laman sosial seperti Facebook dengan memantau sekadar fermampu kerana jumlah peserta terlalu ramai.

"Justeru untuk berjaya sebenarnya setiap peserta perlu ada kesungguhan dari dalam diri dan perlu rajin berusaha memperbaiki gaya penulisan, mengasah bakat dan menjana kreativiti secara berterusan," katanya.

Pandangan Salina turut dipersebut-jui pembimbing genre puisi, Lutfi yang mengingatkan peserta bahawa MPR bukan batu loncatan segera untuk mereka dikenali dalam bidang penulisan kerana kejayaan banyak bergantung kepada usaha mereka dalam menen-

tukan hala tuju masing-masing.

"Saya mengaku bukan semua yang keluar dari MPR akan terus bergiat cergas dalam dunia penulisan dan mereka yang terus menulis selalunya bergerak dalam kumpulan sendiri, bersama-sama rakan alumni lain, saling membantu serta memberi sokongan untuk menghasilkan karya terbaik."

"Harapan peribadi kami sebagai pembimbing, jika mereka tidak keluar sebagai penulis, cukuplah dengan menjadi individu yang bijak menghargai karya sastera, tidak lupa kepada akar dan jati diri, selain bersungguh-sungguh mempertahankan serta mencintai bahasa Melayu," katanya.

#### Peserta baru beruntung

Pembimbing jemputan yang juga alumni MPR 2000, Norbulisman Sulaiman atau lebih dikenali sebagai Salman Sulaiman, cergas dalam genre puisi turut berkongsi pengalamannya sewaktu menyertai MPR, 13 tahun lalu.

"Banyak perbezaan MPR dulu dan sekarang. Peserta MPR sekarang dijemput oleh DBP, tetapi pada zaman saya, kami begitu berlumba-lumba menghantar permohonan untuk menyertainya kerana minat menulis yang menebal."

"Pada zaman saya, pelbagai genre sastera diajar sekali gus termasuk penulisan skrip teater, tetapi MPR 2013 lebih baik kerana ia fokus kepada dua bidang, iaitu penulisan cerpen dan skrip," katanya.



*Pada zaman saya, pelbagai genre sastera diajar sekali gus termasuk penulisan skrip teater, tetapi MPR 2013 lebih baik kerana ia fokus kepada dua bidang, iaitu penulisan cerpen dan skrip"*

**Salman Sulaiman,**  
Pembimbing jemputan

